

Headline **Kajian ubatan herba bantu pesakit AIDS**
Date **28 Dec 2009**
MediaTitle **Sinar Harian (Pahang)**
Section **NEWS**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **2**
Article Size **176 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **968**
PRValue **2,904**



Kajian ubatan herba bantu pesakit AIDS

KUANTAN – Kajian perubatan terhadap herba dan kekacang bagi memberi harapan baru kepada pesakit HIV/AIDS diharap mendapat sokongan kerajaan dan masyarakat.

Presiden Pengurusan Pengamal Perubatan Alami Malaysia (PPPAM), Prof Dr Ananthan Krishnan berkata, kajian mengenai perubatan itu dilakukan sejak lapan tahun lalu, membabitkan ramai penghidap HIV/AIDS.

“Kajian ini membabitkan 46 penghidap HIV/AIDS di seluruh negara dan hasilnya amat menggalakkan kerana mereka hidup lebih gembira dan ceria,” katanya pada Majlis Kesyukuran Sempena Hari AIDS sedunia, semalam.

Beliau berkata, kajian berkenaan di-

lakukan di Malaysia dan tidak mencedok sebarang kajian yang dilakukan pakar perubatan dari luar negara.

“Sebenarnya, kita mempunyai banyak rempah ratus dan bahan semula jadi yang boleh dikaji untuk memberi harapan baru kepada pesakit AIDS, selain peluang mereka hidup normal dan melakukan tugas harian seperti biasa,” katanya.

Dr Ananthan berharap, kajian berkenaan mendapat sokongan kerajaan, terutama meluluskan dana bagi membolehkan lebih banyak kajian berkaitan dan percubaan percuma kepada pesakit AIDS.

Beliau turut mendakwa, kajian berkenaan dapat membantu menyelesaikan masalah penyakit denggi dan chikungunya.

“Sehingga kini, kita menerimaambut-

an menggalakkan daripada ahli Drug Intervention Community (DiC) Pahang dan ramai di antara mereka yang sudah boleh mengubah kehidupan dan melakukan kerja harian seperti biasa,” katanya.

Hadir sama, Setiausaha Politik Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Suhaimi Ibrahim; Setiausaha Agung PPAM, Furizat Yahya dan Pengurus Projek DiC, Abdullah Khalid Hashim.

Katanya, majlis kali ketiga diadakan itu bertujuan meraikan kesejahteraan kesihatan pesakit AIDS yang menerima rawatan perubatan aliamiah semula jadi.

Sambutan Hari AIDS disambut meriah dengan kehadiran ahli DiC Pahang, Persatuan Pengasih Malaysia.



● Furizat menyampaikan cenderahati kepada Suhaimi.